



● Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, kanan, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, kiri, dan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan, Datuk Muhammad Jabil, tengah, mungkin berbual

mengenai perusahaan kayu-kayan semasa jamuan teh selepas perasmian Mesyuarat Agung Pengusaha Kayu-kayan Bumiputera Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. Foto Khalid Redza.

Musa bimbang kepakaran seni halus akan pupus

KUALA LUMPUR, Sabtu — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam bimbang bahawa kepakaran seni halus orang Melayu akan pupus sekiranya tidak ada usaha memulhkannya.

"Suatu masa dahulu orang-orang Melayu memang terkenal dengan ukiran dan tukang yang begitu halus. Tetapi sekarang ini klian merosot dan menghadapi ancaman

terhapus sama sekali," ujar Datuk Musa ketika merasmikan Mesyuarat Agung ke tujuh Peratuan Pengusaha Kayu Kayan Bumiputera di sini hari ini.

Datuk Musa berkata, di Malaysia suatu ketika dahulu lebih mengenali 'perabut Shanghai' dari perabut yang berasaskan kesenian Melayu.

"Perabut Shanghai di Malaysia pun sedang terancam disebabkan

seninya telah hilang di kalangan orang-orang Cina," katanya.

Beliau menjelaskan, di Indonesia, Thailand dan Philipina, perabutperabut berasaskan kesenian mereka amat terkenal dengan kehalusannya.

Hinggakan di Malaysia sendiri telah menjadi satu prestij bila seseorang itu mempunyai perabut yang dibeli di negara-negara tersebut, katanya.

Datuk Musa berkata meskipun Malaysia mempunyai kebolehan dan kepakaran di bidang tersebut namun ia langsung tidak terkenal.

Beliau menyeru agar pengusaha-pengusaha kayu-kayan meneliti kemungkinan bergerak ke arah mempelbagaikan keluarannya termasuk memajukan ukiran seni halus yang begitu lama terpendam.